



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/9/6-69 Jld.4 (1 )

Tarikh : 26 September 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT  
GRED FA29 KE GRED FA32 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) Gred FA32 bagi tahun 2016/2017**. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat PPTM Gred FA29 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan **pada 1 Januari 2004 hingga 30 April 2005 (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan berubah kepada tarikh 1 Mei 2005 dan seterusnya);**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi **tiga (3) tahun terkini (2013, 2014 dan 2015) adalah 80% dan ke atas;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;

...2/

- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Menandatangani Surat Akuan Pinjaman Institusi/Tabung Pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Bagi calon-calon yang **tidak bersedia untuk penempatan semula** dan **bakal atau telah layak untuk memohon kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK) adalah tidak perlu memohon untuk urusan pemangkuan** ke gred FA32 ini.

4. Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:

- 4.1 **Lampiran A** – Borang Pertimbangan Pemangkuan Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 ke Gred FA32
- 4.2 **Lampiran B** – Borang Perakuan Ketua Jabatan;
- 4.3 **Lampiran C** – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan;
- 4.4 Surat Keputusan **Tapisan Keutuhan SPRM terkini**; dan
- 4.5 Salinan **Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (2013, 2014 dan 2015)** yang telah disahkan.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** seperti maklumat di perenggan 4 di atas bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 31 Oktober 2016** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
**(u.p. : Puan Norziah binti Tajuddin)**

6. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu dikemukakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- (i) **Puan Zalina binti Morad** - **03-8885 4250**  
([zalina.morad@jpa.gov.my](mailto:zalina.morad@jpa.gov.my))
  
- (ii) **En. Mohd Firdaus bin Mohamad** - **03-8885 4767**  
([firdaus.mohamad@jpa.gov.my](mailto:firdaus.mohamad@jpa.gov.my))

8. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(NORZIATULSHIMA BINTI TAJUDDIN)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : [shima.tajuddin@jpa.gov.my](mailto:shima.tajuddin@jpa.gov.my)